

Mata wang pesat membangun, ringgit terus tidak menentu tahun depan

UM 20/12

KUALA LUMPUR 19 Dis. - Mata wang pasaran pesat membangun termasuk ringgit, dijangkakan terus turun naik dengan ketidakpastian ekonomi dunia diunjurkan kekal tinggi pada 2017.

Pengurus Kanan Negara Kumpulan Bank Dunia bagi Malaysia, Dr. Rafael Munoz Moreno berkata, ringgit dan mata wang pasaran pesat membangun kini menghadapi tekanan luar yang hebat seperti dasar monetari Amerika Syarikat (AS) yang kembali normal serta potensi perubahan dalam dasar perdagangan fiskal.

"Pergerakan ringgit akan banyak bergantung kepada sejauh mana dasar-dasar luar ini akan menjadi kenyataan.

"Kita kini menunggu peru-

bahan sejauh mana dasar fiskal AS akan memberi kesan ke atas kadar faedah dan ekonomi global," katanya kepada pemberita selepas pelancaran edisi ke-15 laporan Petunjuk Ekonomi Malaysia yang diterbitkan oleh Bank Dunia di sini hari ini.

Moreno berkata, untuk tahun 2017 rundingan mengenai keputusan Britain keluar dari Kesatuan Eropah (Brexit) dijangka dimulakan dalam tempoh enam bulan akan datang.

"Ia akan menyediakan maklumat mengenai sejauh mana perkembangan ini akan menjejaskan Kesatuan Eropah.



RAFAEL MUNOZ MORENO

"Tahun depan merupakan tahun pemilihan di Perancis dan Jerman. Kebimbangan kini semakin meningkat sama ada akan berlaku perubahan dasar di kedua-dua negara dan dalam Kesatuan Eropah," katanya.

Perkembangan ini dijangkakan memberi impak ke atas pergerakan mata wang negara pesat membangun pada 2017, katanya.

Pada tengah hari, mata wang tempatan didagangkan sedikit tinggi berbanding dolar AS pada RM4.4700/4820 berbanding RM4.4755/4795 pada 6 petang Jumaat. - BER-NAMA